

23 MAR 2001

CUKAI-PRASRAANA

RM36 BLN SETAHUN DARIPADA CUKAI PRASARANA KE ATAS NEGARA KAYA

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Hampir AS\$9.4 bilion (RM35.72 bilion) dijangka dapat dipungut dalam setahun jika cukai dikenakan ke atas negara-negara kaya bagi membiayai projek-projek prasarana di negara-negara miskin.

Sambil mencadangkan cukai tersebut dipungut selama 20 tahun, penasihat ekonomi Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata: "Mungkin lebih mudah memujuk negara-negara kaya dengan cadangan bagi masa yang terhad daripada selama-lamanya."

Dalam satu rencana bagi membincangkan cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cukai tersebut semasa Perdana Menteri berucap di Forum Boao bagi Asia pada 27 Februari, 2001, Nor Mohamed mengunjurkan bahawa AS\$188 bilion (RM714.4 bilion) boleh dikumpulkan daripada cukai yang dipungut selama 20 tahun itu.

"Jumlah ini, jika dilaburkan dengan bijak dalam projek-projek prasarana di negara-negara miskin, akan dapat meningkatkan taraf kehidupan di negara-negara miskin itu ke tahap yang berpatutan dengan cepat," tambah beliau.

Beliau menyarankan pendapatan per kapita sebanyak AS\$10,000 (RM38,000) berdasarkan pariti kuasa membeli (PPP) digunakan sebagai tahap minimum untuk percukaian tersebut.

Katanya, berdasarkan ini, 45 negara layak untuk membayar cukai tersebut, termasuk Malaysia.

Kata Nor Mohamed, cukai prasarana antarabangsa harus dikenakan secara berperingkat. Negara-negara yang keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapitanya AS\$30,000 (RM114,000) ke atas, kadar cukai (peratus KDNK) harus ditetapkan pada 0.50.

Bagi negara-negara yang KDNK per kapitanya AS\$25,000 (RM95,000) hingga kurang daripada AS\$30,000, kadarnya ialah 0.45, AS\$20,000 (RM76,000) hingga kurang daripada AS\$25,000 ialah 0.35, AS\$15,000 (RM57,000) hingga kurang daripada AS\$20,000 ialah 0.20 dan AS\$10,000 (RM38,000) hingga kurang daripada AS\$15,000 ialah 0.10.

Bagi AS dan Jepun yang cukainya dicadangkan pada kadar 0.5, mereka masing-masing perlu membayar AS\$4.354 bilion (RM16.55 bilion) dan AS\$1.538 bilion (RM5.84 bilion) setahun manakala Malaysia, pada kadar 0.10 perlu membayar AS\$7.463 juta (RM28.36 juta).

Berhubung dengan takrif negara miskin, Nor Mohamed berkata kesemua 64 negara dalam kategori berpendapatan rendah, atau yang GDP nominal per kapitanya berjumlah AS\$755 (RM2,869) atau kurang daripada itu harus dikira negara miskin.

Seramai 2.4 bilion orang tinggal di kesemua 64 negara berpendapatan rendah ini. Ini merupakan 40 peratus daripada jumlah penduduk dunia, sedangkan 890 juta tinggal di negara-negara berpendapatan tinggi, yang merupakan 15 peratus daripada jumlah penduduk dunia.

Daripada 64 negara berpendapatan rendah ini, 30 adalah negara-negara Islam (ditakrifkan sebagai anggota-anggota OIC) dengan jumlah penduduk seramai 854 juta orang, iaitu 69 peratus daripada jumlah penduduk keseluruhan OIC (Pertubuhan Negara-Negara Islam).

"Tingginya tahap kemiskinan dunia ternyata daripada angka-angka di atas. Oleh itu, wujud keperluan yang mendesak bagi masyarakat antarabangsa tampil ke hadapan menyangkut cabaran untuk membantu negara-negara miskin ini," tegas Nor Mohamed.

Selain daripada mengenakan cukai secara berperingkat, beliau menggariskan dua aspek asas cadangan cukai tersebut, iaitu:

- \* Menggunakan pendapatan daripada cukai itu untuk melaksanakan projek-projek prasarana di negara-negara miskin.

- \* Menggunakan institusi antarabangsa yang sedia ada untuk melaksanakan tugas memungut cukai tersebut dan untuk menjalankan projek-projek yang dikenal pasti oleh negara-negara penerima bersama dengan pengurus-pengurus Dana Prasarana. Kedua-duanya perlu bersetuju sebelum projek berkenaan dilaksanakan.

Kata Nor Mohamed dana yang dikumpul itu tidak harus diagih-agihkan seperti mana bantuan diberikan sebelum ini, tetapi sebaliknya bayaran dibuat mengikut kemajuan pembinaan.

Menyentuh tentang pungutan dan pentadbiran cukai berkenaan, beliau mencadangkan supaya tanggungjawabnya dipikul oleh sebuah institusi yang berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mungkin Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Tentang sebab negara-negara harus bersetuju untuk membayar cukai tersebut, Nor Mohamed berkata, negara-negara miskin mestilah bersedia untuk mengeluarkan sedikit daripada kekayaan yang mereka nikmati daripada dunia globalisasi, supaya negara-negara miskin boleh menikmati sedikit kemudahan yang menjadi perkara biasa bagi negara kaya.

Menjawab satu soalan mengapa cukai yang dipungut itu digunakan bagi membiayai projek-projek prasarana, Nor berkata: "Memang diketahui umum bahawa pembinaan dan penyediaan prasarana merangsang kegiatan ekonomi.

"Pembinaan prasarana itu sendiri akan mewujudkan pekerjaan bagi penduduk tempatan, membina pasaran bagi hasil keluaran mereka dan mendapatkan harga yang lebih baik bagi hasil keluaran ini. Begitu juga penyenggaraan prasarana-prasarana ini.

"Tetapi negara-negara kaya juga akan mendapat habuan mereka kerana hanya mereka yang berupaya mengadakan teknologi, jentera canggih dan kemahiran kejuruteraan.

"Dengan demikian, sebahagian daripada dana ini akan diperolehi semula oleh negara-negara kaya ini dalam bentuk pendapatan kontraktor dan pembekal mereka."

Katanya, dana dan projek prasarana ini akan mewujudkan kedudukan sama menang yang memberi faedah kepada negara kaya dan negara miskin serta mewujudkan dunia yang lebih kaya dan lebih sama rata kemajuannya. --

BERNAMA

MAD KTC KY OS